

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7342

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan maklum balas pihak Kementerian terhadap laporan yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat yang menyenaraikan Malaysia sebagai antara pusat penyeludupan manusia terburuk di dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengeluarkan Laporan Tahunan mengenai prestasi negara-negara dalam menangani isu pemerdagangan orang. Penilaian tersebut hanya menumpukan kepada aspek pemerdagangan orang dan bukan aspek penyeludupan migran atau penyeludupan manusia. Laporan JNAS tersebut dibuat terhadap 188 buah negara termasuk Malaysia dan merangkumi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan. Malaysia telah mula dinilai sejak tahun 2006.

Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah merupakan dua jenayah yang berbeza tetapi mempunyai kaitan kerana menyentuh mengenai aspek migrasi. Negara telah mempunyai perundangan khusus mengenai kedua jenayah ini iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Pindaan kepada Akta ini pada tahun 2010 telah menjadikan kesalahan jenayah kepada aktiviti penyeludupan migran sebagai tambahan kepada aktiviti pemerdagangan orang.

Pemerdagangan orang adalah merupakan kesalahan hak asasi manusia kerana melibatkan elemen eksploitasi manakala penyeludupan migran adalah sejenis kesalahan imigresen. Pemerdagangan orang boleh berlaku di dalam negara dan

merentasi sempadan manakala penyeludupan migran hanya melibatkan aktiviti merentasi sempadan. Satu lagi aspek membezakan kedua jenayah ini ialah pemerdagangan orang melibatkan mangsa yang dieksploitasi sama ada eksploitasi seks atau buruh manakala aktiviti penyeludupan migran melibatkan kerelaan individu tersebut untuk diseludup ke negara luar.